

04 JUN 2000

Mahathir-Tebusan

MALAYSIA SEDIA TIMBANG TUNTUTAN UNTUK BEBASKAN MANGSA CULIK

PULAU PINANG, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia bersedia untuk menimbangkan wang tebusan AS\$1 juta (RM3.8 juta) bagi setiap mangsa culik jika ia dapat menyelamatkan tebusan daripada kumpulan bersenjata di selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata, Malaysia terpaksa juga membuat pertimbangan itu demi menjaga keselamatan 21 tebusan itu yang diculik dari Pulau Sipadan, Sabah pada 23 April lepas.

Mereka terdiri daripada sembilan warga Malaysia dan 12 warga asing iaitu tiga warga Jerman, masing-masing dua warga Finland, Afrika Selatan, Perancis, Filipina dan seorang warga Lubnan.

"Walaupun pada prinsipnya kita tidak terima cara itu, tetapi apabila berhadapan dengan kemungkinan pengganas melakukan sesuatu terhadap mangsa mereka, kita terpaksa mempertimbangkan apa cara (sekalipun) untuk menyelamatkan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang berita selepas mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang. Malam semalam, beliau menutup Sukan Malaysia (Sukma) Kelapan.

Laporan berita dari Zamboanga, di selatan Filipina pada 2 Jun lepas menyatakan kumpulan penculik yang menahan tebusan itu menuntut wang tebusan AS\$1 juta bagi setiap orang yang ditahan.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan menyiasat sama ada penggunaan pembunuh upahan berlaku di negara ini dan menambah kata yang beliau khuatir dengan perkembangan itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pertanyaan wartawan mengenai pembunuhan Setiausaha Agung Gerakan Aceh Merdeka (GAM) Teuku Don Zulfahri di Pandan Perdana Khamis lepas yang dikatakan mungkin bermotif politik dan melibatkan pembunuh upahan.

"Perkara itu sesuatu yang kita tidak dapat terima dalam politik," katanya.

"Kita tidak mahu orang-orang diupah untuk membunuh musuh-musuh politik, Ini bukan budaya kita," katanya.

-- LAGI

AHM PR